



15 September 2015
15 September 2015
P.U. (A) 214

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH PASPORT (VISA KEPADA PELANCONG DARIPADA REPUBLIK CHINA (TAIWAN)) (PENGECCUALIAN) 2015

PASSPORT (VISA TO TOURIST FROM THE REPUBLIC OF CHINA (TAIWAN)) (EXEMPTION) ORDER 2015



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PASPORT 1966

PERINTAH PASPORT (VISA KEPADA PELANCONG DARIPADA REPUBLIK CHINA
(TAIWAN)) (PENGECUALIAN) 2015

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 4 Akta Pasport 1966 [*Akta 150*],
Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama, permulaan kuat kuasa dan ketidakpakaian

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pasport (Visa kepada Pelancong daripada Republik China (Taiwan)) (Pengecualian) 2015**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 15 September 2015.

(3) Perintah ini tidak terpakai kepada warganegara Republik China (Taiwan) yang merupakan pemegang Pasport Diplomatik atau Pasport Rasmi.

Tafsiran

2. Dalam Perintah ini, “negara ketiga” ertinya negara yang mempunyai pintu masuk ke Republik China (Taiwan).

Pengecualian

3. Menteri mengecualikan semua pelancong yang merupakan warganegara Republik China (Taiwan) daripada keperluan visa yang dikehendaki di bawah subseksyen 2(1) Akta tertakluk kepada syarat-syarat yang berikut:

(a) tempoh Pas Lawatan Sosial hanya terhad kepada tiga puluh hari sahaja bagi setiap kemasukan tanpa apa-apa pelanjutan tempoh;

(b) masuk dan keluar dari Malaysia hanya melalui pintu masuk seperti yang berikut:

(i) melalui udara—

- (A) U21A Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, Sepang;
- (B) U05 Lapangan Terbang Pulau Pinang, Bayan Lepas, Pulau Pinang;
- (C) U15 Lapangan Terbang Sultan Ismail, Johor Bahru, Johor;
- (D) U17 Lapangan Terbang Kuching, Bahagian Pertama, Sarawak;
- (E) U29 Lapangan Terbang Kota Kinabalu, Sabah; atau
- (F) U02 Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Langkawi, Kedah; atau

(ii) melalui darat—

- (A) D11 Bangunan Sultan Iskandar, Johor; atau
- (B) D12A Pos Kawalan Imigresen Kompleks Sultan Abu Bakar, Tanjung Kupang, Johor; dan

(c) mengemukakan tiket penerbangan balik ke Republik China (Taiwan) atau negara ketiga.